



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DI BAWAH JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) MULAI 13 MEI 2020

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan dan pengurusan penyelidikan di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) serta yang berkaitan dengan konteks penyelidikan di UTM. Ianya juga adalah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan sepanjang tempoh Pasca PKP ini berlangsung.
- 1.2. Panduan Pengurusan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan sebelum ini dan telah dikuatkuasakan pada 28 Mac 2020 adalah dengan ini terbatal.
- 1.3. Garis panduan ini bertujuan untuk menyenaraikan secara terperinci aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tempoh pasca PKP, di samping langkah pencegahan yang perlu dilaksana dalam usaha untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 semasa pelaksanaan aktiviti penyelidikan yang berkaitan.
- 1.4. Panduan ini juga perlu dibaca bersama Panduan Bekerja Pasca PKP dan Pekeliling Pentadbiran yang dikeluarkan oleh pihak UTM dari masa ke semasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Garis panduan yang dikeluarkan ini adalah selaras dengan Pekeliling Pentadbiran UTM dan ianya sebagai panduan utama untuk pelaksanaan aktiviti penyelidikan sepanjang tempoh pasca PKP untuk dirujuk oleh staf, pelajar pasca siswazah dan pelawat industri dari luar. Panduan ini juga merujuk kepada panduan Sektor R&D Dan Makmal-Makmal Ujian yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI pada 4 Mei 2020.
- 2.2. Sebelum ini 2 kaedah pelaksanaan telah diperkenalkan iaitu Urusan Aktiviti Penyelidikan bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan Urusan Penyelidikan Mulai 1 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 dalam Panduan yang telah dikeluarkan pada 28 Mac 2020.
- 2.3. Penularan wabak COVID-19 telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan penjawat awam, beberapa tindakan perlu dilaksanakan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif.

- 2.4. Susulan daripada pindaan dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) maka satu SOP yang lebih terperinci perlu digariskan bagi memastikan para penyelidik dapat meneruskan aktiviti penyelidikan. Selaras dengan itu, Jabatan TNCPI telah mengariskan beberapa langkah tindakan yang boleh diperlakukan sepanjang tempoh Pasca PKP dan ianya tertakluk kepada panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 2.5. Panduan ini juga dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada Ketua Jabatan bagi pelaksanaan aktiviti penyelidikan mulai 13 Mei 2020.

3. PANDUAN UMUM

Panduan umum ini adalah berdasarkan kepada Panduan Pasca PKP yang telah digariskan oleh Universiti dan terpakai kepada semua pelaksanaan aktiviti penyelidikan sepetimana berikut:

- 3.1 Semua Ketua PTJ/Makmal perlu melaksanakan ‘Hazard Identification’ dan Risk Assessment & Risk Control (HIRARC) bersama pihak OSHE universiti sebelum ruang makmal/kerja mula digunakan;
- 3.2 Elakkan bersalaman dan bersentuhan
- 3.3 Melaksanakan penjarakan sosial 1 meter daripada orang lain
- 3.4 Memakai ‘face mask’, kerap membasuh tangan dan melaksanakan tindakan sepetimana yang disarankan oleh KKM
- 3.5 Mengelakkan perhimpunan/perbincangan yang melibatkan lebih 10 orang dalam satu masa
- 3.6 Melaksanakan kerja-kerja sanitasi ruang kerja di makmal dan sekitar kawasan makmal seperti tombol pintu/permukaan meja/peralatan makmal dan yang dirasakan perlu dan berisiko.
- 3.7 Hanya satu pintu masuk sahaja yang dibenarkan dibuka ketika waktu bekerja bagi tujuan pengawalan keluar masuk staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri.
- 3.8 Staf/pelajar/pelawat industri yang didapati suhu melebihi 37.5 celcius adalah tidak dibenarkan masuk.

4. KAEADAH PELAKSANAAN MULAI 13 MEI 2020

- 4.1 Merangkumi
 - 4.1.1 Penyelidikan/Pengujian
 - 4.1.2 Perkhidmatan analitikal
 - 4.1.3 Audit Penyelidikan

- 4.1.4 Kerja Penyelenggaraan di Makmal Penyelidikan
- 4.1.5 Kalibrasi (Pengukuran Penyelidikan)
- 4.2 Waktu Beroperasi

Waktu beroperasi yang ditetapkan adalah mengikut kepada Panduan Bekerja Pasca PKP yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia dan perlu dirujuk dari masa kesemasa oleh semua staf yang berkaitan.

Bagi Peringkat 1 Pasca PKP (13 Mei – 31 Julai 2020)

Terdapat 2 sesi bekerja iaitu sesi pagi dari 8.00 pagi dan sesi petang mulai 1.00 petang dan waktu bekerja hanya terhad kepada 4 jam maksimum bagi setiap sesi. Walau bagaimanapun sekiranya ada keperluan untuk melaksanakan kerja lebih dari masa yang ditetapkan, ianya perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan kerja berperingkat ini adalah tertakluk kepada arahan dari masa ke semasa oleh Kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Staf dan pelajar juga diwajibkan membawa kad matrik setiap kali keluar masuk kampus dalam tempoh ini.

- 4.3 Peraturan Masuk Ke Kampus bagi Staf, Pelajar Pasca Siswazah dan Pelawat Industri

Sebelum dibenarkan masuk kampus, semua staf/pelajar pasca siswazah diwajibkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.3.1 Deklarasi Kesihatan

Semua staf diwajibkan untuk mengisi Borang Deklarasi Kesihatan sekali sahaja dalam tempoh sehingga dimaklumkan oleh pihak Universiti.

Borang ini telah di emailkan kepada semua staf pada 6 Mei 2020 dan ianya perlu diperakukan oleh PKU melalui UTMSmart atau email sebelum staf dibenarkan masuk ke dalam kampus.

Staf yang tidak sihat dan mempunyai simptom tidak dibenarkan masuk ke kampus.

Staf perlu menunjukkan paparan pengesahan dari PKU kepada staf Bahagian Keselamatan di pintu masuk utama. Staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri juga wajib menjalani imbasan suhu badan di pintu masuk utama.

- 4.3.2 Semua staf adalah diwajibkan memohon kelulusan masuk kampus menggunakan Borang Pergerakan Staf yang boleh dicapai di Portal MyUTM dan hanya staf yang mempunyai kelulusan rasmi dibenarkan masuk ke kampus;



- 4.3.3 Semua staf/pelajar/pelawat dari luar juga adalah diwajibkan untuk memuatnaik aplikasi MyTrace di telefon bimbit masing-masing dan aplikasi berkenaan boleh dimuat turun melalui Google Play Store.
- 4.3.4 Permohonan melaksanakan tugas di makmal oleh pelajar pasca siswazah UTM
- 4.3.4.1 Hanya pelajar pasca siswazah di semester akhir diberi keutamaan untuk menjalankan dan meneruskan penyelidikan di makmal-makmal yang berkaitan;
- 4.3.4.2 Keutamaan juga diberikan kepada pelajar yang berada di sekitar kawasan kampus dan perlu menjalankan penyelidikan berdasarkan kepada keperluan kritikal;
- 4.3.4.3 Pelajar yang berkenaan boleh memohon kebenaran untuk masuk ke makmal melalui Penyelia dan penyelia perlulah memohon kelulusan dari pihak Fakulti/School dengan menyertakan sekali keputusan kesihatan sebelum pelajar dibenarkan melaksanakan tugas di makmal;
- 4.3.4.4 Surat atau email kelulusan yang dikeluarkan oleh Fakulti/Sekolah perlu disalinkan kepada Bahagian Keselamatan (Pengarah Keselamatan: En. Amir Hamzah bin Jamil, email: amir-hj@utm.my, Pn Nur Hakimi bt Karsono, emel: nurhakimi.kl@utm.my dan En. Dahari bin Derani emel: dahari@utm.my - melibatkan pelajar) dan disalinkan kepada Pegawai PSM PTJ masing-masing;
- 4.3.4.5 Pelajar yang telah diluluskan menjalankan kerja di makmal/ruang kerja perlu mengambil tindakan sepertimana yang telah dimaktubkan di dalam Garis Panduan ini.
- 4.3.5 Permohonan masuk oleh pihak luar selain staf dan pelajar pasca siswazah UTM
- 4.3.5.1 Bagi permohonan kebenaran masuk kepada pelawat luar dari industri seperti staf syarikat atau agensi yang terlibat dengan proses penyelidikan, penggunaan fasiliti makmal atau melibatkan perjanjian MoU/MoA, adalah dibenarkan dengan kebenaran khas oleh Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi) dan ianya perlulah mengikut tatacara masuk ke dalam kampus seperti mana yang telah ditetapkan oleh BSM dalam Panduan Pasca PKP.

- 4.3.5.2 Email kelulusan kebenaran masuk pihak luar yang dikeluarkan wajib diemailkan kepada Bahagian Keselamatan iaitu Pengarah Keselamatan: En. Amir Hamzah bin Jamil, email: amir-hj@utm.my, Dekan/Chair Fakulti, Timbalan Pendaftar Fakulti yang berkaitan, dan pegawai di BSM Pn Noerwati bt Dolhaji, email: noerwati@utm.my dan Pn Nur Hakimi bt Karsono, email: nurhakimi.kl@utm.my

4.4 Merekod Kehadiran

Staf/pelajar pasca siswazah yang bekerja di makmal adalah diwajibkan untuk merekodkan kehadiran dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.4.1 Staf adalah diwajibkan untuk merekod kehadiran masuk dan keluar melalui sistem iHadir mengikut waktu bekerja yang telah ditetapkan.
- 4.4.2 Bagi pelajar pasca siswazah, kehadiran pelajar pasca siswazah dan pelawat dari industri perlu dicatat di buku rekod log kehadiran yang disediakan di setiap makmal dengan menyatakan butiran seperti berikut:
- 4.4.2.1 Tarikh Aktiviti
 - 4.4.2.2 Masa Aktiviti
 - 4.4.2.3 Lokasi
 - 4.4.2.4 Tujuan aktiviti diadakan
 - 4.4.2.5 Senarai Nama staf/pelajar pasca siswazah (nama penuh dan nombor matrik/no IC)
 - 4.4.2.6 Nombor telefon untuk dihubungi

4.5 Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan

Untuk makluman 2 kaedah pelaksanaan telah digariskan dalam panduan yang terdahulu iaitu Urusan Aktiviti Penyelidikan bagi tempoh 18 – 31 Mac 2020 dan Urusan Aktiviti Penyelidikan bagi tempoh mulai 1 April 2020.

Walaubagaimanpun berdasarkan kepada situasi terkini dan merujuk kepada Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI dan KPT satu panduan berkaitan pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan terdahulu telah dipindah dan digariskan dan disesuaikan semula dan pemakaianya adalah berkuatkuasa mulai 13 Mei 2020 sehingga satu tarikh yang akan ditentukan oleh Universiti.

4.5.1 Tatacara Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Mulai 13 Mei 2020

Susulan dengan pelanjutan tempoh PKP fasa ke 4 dan PKPB mulai 13 Mei 2020, pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan perlu dilaksanakan berdasarkan kepada

panduan Pasca PKP yang dikeluarkan oleh Universiti, panduan dari MOSTI dan KPT. Secara ringkasnya perkara dibawah perlu diambil tindakan:

- 4.5.1.1 Semua ketua makmal perlu mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar pasca siswazah yang berada dalam makmal pada sesuatu masa dan kehadiran staf/pelajar boleh dibuat secara giliran mengikut fasa berikut:
- Mulai 13 – 31 Mei 2020 – Maksima 30%
Mulai 1 – 30 Jun 2020 - Maksima 40%
Mulai 1 – 31 Julai 2020 – Maksima 50 %
- dari jumlah keseluruhan staf/pelajar yang berada pada satu masa yang sama di makmal penyelidikan berkenaan;
- 4.5.1.2 Semua makmal perlu memastikan aliran pengudaraan berfungsi dengan baik;
- 4.5.1.3 Bagi pelaksanaan tugas di makmal, Ketua Jabatan perlu memastikan sekurangnya terdapat 2 orang pada satu-satu masa;
- 4.5.1.4 Ketua PTJ hendaklah memastikan bilangan staf yang hadir diminimakan dan hanya berdasarkan kepada keperluan sahaja;
- 4.5.1.5 Bagi penugasan yang melibatkan pelajar pasca siswazah, penyelia perlu memastikan adanya keperluan yang digariskan dibawah infrastruktur penyelidikan yang meliputi 4 perkara iaitu:
- 4.5.1.6 Perkhidmatan yang berkaitan dengan infrastruktur penyelidikan yang merangkumi perkara seperti berikut adalah dibenarkan mengikut keperluan kritikal sahaja;
- 4.5.1.7 Penyelenggaraan alatan penyelidikan yang kritikal untuk dibuat secara berkala dan konsisten;
- 4.5.1.8 Penyelenggaraan bahan penyelidikan yang kritikal dan mesti dibuat secara berkala dan konsisten;
- 4.5.1.9 Penyediaan perkhidmatan penyelidikan yang kritikal dalam menangani isu yang berkaitan COVID-19 iaitu yang berteraskan kepada penyelidikan yang bersifat essential dan kritikal (*healthcare & medical, food supply, water* dan *research* berkenaan *public health* dan *safety*)
- 4.5.1.10 Adalah digalakkan penyeliaan, perbincangan bersama staf, pelajar pasca siswazah dan ahli penyelidik yang lain disarankan untuk menggunakan platform '*web conferencing*' atas talian yang

sedia ada di UTM seperti *Cisco Webex*, *Big Blue Button*, *Skype*, *Google Hangout*, *Zoom* dan lain-lain untuk meminimumkan aktiviti berbentuk fizikal sehingga fenomena Covid 19 dapat diatas;

- 4.5.1.11 Walaubagaimanpun, dalam tempoh Pasca PKP semua penyelidikan yang berkepentingan juga boleh dijalankan dengan syarat mengikuti SOP yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini;
- 4.5.1.12 Aktiviti penyelidikan yang boleh dilaksanakan dalam talian hendaklah dilaksanakan secara '*work from home*' sahaja. Sekiranya perlu, pelajar pasca siswazah (dengan bantuan penyelia) dan staf boleh mengadakan perbincangan dengan UTMDigital untuk memudahkan capaian kepada sumber pengkomputeran yang diperlukan;
- 4.5.1.13 Aktiviti penyelidikan yang melibatkan '*field work*' di luar UTM boleh dilaksanakan dengan syarat mengikut SOP keselamatan yang digariskan oleh KKM dan boleh dirujuk di perenggan 4;
- 4.5.1.14 Aktiviti penyelidikan yang melibatkan '*field work*' di dalam UTM boleh diteruskan walaubagaimanapun perlu mengambil tindakan keselamatan seperti aktiviti penyelidikan di makmal. Kehadiran secara fizikal perlulah terkawal dengan tidak melibatkan kehadiran melebihi 10 orang dalam satu masa. Kebenaran juga perlu dimohon kepada Ketua PTJ dan kehadiran perlu direkodkan;
- 4.5.1.15 Staf dan pelajar pasca siswazah disarankan menggunakan masa sepanjang PKP ini untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan seperti kajian literatur, penghasilan jurnal & makalah serta kertas persidangan, penulisan buku dan lain-lain;
- 4.5.1.16 Bagi urusan kerja di dalam makmal, tindakan yang perlu dibuat adalah sepertimana yang telah dinyatakan di klaus 3.2 hingga 3.4 sepanjang tempoh PKPB;
- 4.5.1.17 Jika terdapat sebarang permasalahan dalam penggunaan sistem-sistem berkaitan penyelidikan (RADIS, INNOCOMMS, UTMLAB, UTMScholar, booksonline.my) penyelidik boleh terus laporkan di sistem <https://researchsupport.utm.my>

4.5.2 Aktiviti dan Protokol Penyelidikan

Semua aktiviti yang dijalankan di makmal penyelidikan perlu mematuhi panduan sepertimana yang telah digariskan di dalam Panduan Pasca PKP yang telah dikeluarkan oleh BSM dan turut merujuk Panduan dari pihak MOSTI dan KPT, yang mana diantaranya ialah:

4.5.2.1 Memastikan langkah-langkah di dalam perenggan 3.7 diamalkan dengan beberapa penambahan sepertimana berikut:

- | | |
|-------------|--|
| 4.5.2.1.1 | Pembasmian dan nyah cemar premis/makmal penyelidikan |
| 4.5.2.1.1.1 | Staf/pelajar pasca siswazah perlu memastikan proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti penyelidikan dilaksanakan.

Staf dan pelajar pasca siswazah juga diwajibkan untuk melakukan penyahkumah (disinfeksi) di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol dan lain-lain yang berkaitan sebanyak dua kali sehari; iaitu sebelum aktiviti penyelidikan bermula dan selepas aktiviti penyelidikan tamat (sebelum pulang). |
| 4.5.2.1.1.2 | Ketua makmal perlu menyediakan ' <i>hand sanitizer</i> '/ <i>'disinfecting kits'</i> di pintu masuk ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum. |
| 4.5.2.1.2 | Penjarakan sosial & tatacara keselamatan & kesihatan staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri |
| 4.5.2.1.2.1 | Staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri wajib mengenakan ' <i>face mask</i> ' di makmal/ruang kerja dan di semua kawasan umum. |
| 4.5.2.1.2.2 | Memastikan garis panduan penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan di ruang makmal/kerja. |

4.6 Tanggungjawab Staf/Pelajar pasca siswazah/Pelawat Industri

- 4.6.1 Staf/Pelajar pasca siswazah/Pelawat Industri perlu memaklumkan kepada Ketua Makmal jika mempunyai gejala seperti demam/selsema/batuk/sakit tekak serta perlu mendapatkan pemeriksaan secara SEGERA.
- 4.6.2 Staf/Pelajar pasca siswazah/Pelawat Industri hendaklah sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

- 4.6.3 Staf/Pelajar pasca siswazah/Pelawat Industri hendaklah sentiasa merekodkan kehadiran melalui sistem iHadir atau buku log bagi pelajar pasca siswazah dan pelawat dari industri. Bagi pelajar pasca siswazah dan pelawat industri mohon untuk merujuk perenggan 4.4.3.
- 4.6.4 Staf dan pelajar pasca siswazah dikehendaki mematuhi:
- 4.6.4.1 Panduan Kawalan Keselamatan Kampus dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Bahagian Keselamatan, Pendaftar, UTM
- 4.6.4.2 Panduan Keluar Masuk Kampus Untuk Staf Bagi Jenis Pekerjaan Yang Tidak Boleh Dilaksanakan Dari Rumah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UTM

4.7 Pelanggaran Peraturan

- 4.7.1 Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap staf/pelajar pasca siswazah yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa. Staf juga adalah tertakluk kepada Akta Badan –Badan berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan yang mana bersesuaian.

4.8 Tarikh Kuatkuasa

- 4.8.1 Pindaan Panduan Aktiviti Penyelidikan Pasca PKP adalah berkuatkuasa mulai 13 Mei 2020 sehingga satu tempoh yang ditentukan oleh Universiti. Panduan ini juga dikeluarkan adalah bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID19 di UTM dan ianya juga tertakluk kepada apa-apa arahan/perubahan/perintah baharu oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTM
Tarikh kuatkuasa : 13 MEI 2020